

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kerajaan tak bercadang sekata akhbar buat liputan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang mengadakan dasar bagi melarang akhbar atau agensi berita membuat liputan mengenai kegiatan pemimpin-pemimpin kerajaan di semua peringkat.

Beliau menjelaskan demikian dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota DAP Bandar Kuching, Encik Sim Kwang di Dewan Rakyat semalam.

"Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan dasar yang sedemikian kerana setakat ini kerajaan pusat belum pernah mengharamkan liputan berita oleh mana-mana pihak akhbar atau agensi berita.

"Walaupun demikian pihak akhbar seperti juga golongan-golongan yang lain, adalah tertakluk kepada undang-undang negara dari segi keselamatan, nilai moral

sejagat dan hak-hak individu.

"Adakalanya terdapat ucapan-ucapan atau tindakan-tindakan menteri atau pegawai-pegawai kerajaan yang diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu dan dilaporkan dalam akhbar.

"Dalam keadaan demikian kerajaan tidak ada jalan lain kecuali menguatkuasakan undang-undang negara yang berkaitan demi paduan kaum dan keselamatan negara," tegasnya.

Menjawab soalan bertulis anggota bebas Lubok Hantu, Encik Andrew Janggi Muiyang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah menjadi dasar kerajaan untuk menghantar anggota-anggota tentera menjalani latihan kemahiran dan profesional di semua negara sahabat.

Tetapi, ini bergantung kepada keperluan latihan angkatan tentera dan tawaran kursus dari negara-negara berkenaan, jelasnya.